

# ISU LAPORAN PENJUALAN LIMBANG KEPADA BRUNEI DALAM REVIEW

# Minta maaf: PM tidak puashati

UM 6 JUN 1987

## Remungan

TIDAK ada ertinya dosa besar jika disertai dengan istighfar (minta ampun). Dan tidak dapat dianggap dosa kecil jika dikerjakan terus menerus. — Maksud Al-Hadis Al-Syarif.

**A**LUR SETAR 5 Jun —  
Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mahamad berkata beliau masih tidak puashati terhadap langkah meminta maaf oleh majalah Far Eastern Economic Review mengenai laporan 'penjualan Limbang.'

Datuk Sri Dr. Mahathir menyifatkan

### Oleh Sopha Sulaiman

langkah majalah itu meminta maaf selepas mendakwa Malaysia akan menjual Limbang kepada Brunei sebagai 'kurang tepat.' Setelah melahirkan rasa tidak puashatinya, Perdana Menteri menegaskan bahawa kerajaan masih mengkaji perkara ini sebelum mengambil sebarang tindakan terhadap majalah itu yang beribu pejabat di Hong Kong.

"Kita tengoklah dulu apakah tindakan yang boleh diambil," katanya ketika ditanya oleh para pemberita semasa beliau mengadakan majlis rumah terbuka sempena Hari Raya di kediamannya di Titi Gajah di sini hari ini. Review dalam keluaran 21 Mei telah menyiarkan dalam ruangan

LIHAT MUKA 6

## Minta maaf: PM tidak puashati

"Intelligence" satu laporan ringkas kononnya Datuk Sri Dr. Mahathir telah mengadakan perbincangan tentang kemungkinan menjual Limbang kepada Brunei dengan harga awal \$15 ribu juta. Berikutan laporan tersebut, berbagai pihak telah mendesak kerajaan supaya menyiasat punca laporan tersebut dan bertindak tegas terhadap Review termasuk

mengharamkannya. Akhirnya, pada 27 Mei lalu, Review menarik balik laporan kontroversial itu dan meminta maaf kepada Perdana Menteri. Kenyataan meminta maaf ini sepatutnya disiarkan dalam keluaran 28 Mei majalah tersebut. Bagaimanapun ia masih belum disiarkan seperti yang dijanjikan. Kenyataan meminta maaf itu dikeluarkan lebih awal

oleh biro majalah itu di sini. Perdana Menteri bagaimanapun memberitahu para pemberita hari ini bahawa isu penjualan Limbang tidak perlu dibincangkan. Bagaimanapun Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan bahawa kerajaan akan mengambil tindakan pada masa akan datang sekiranya ada pihak-pihak yang cuba menyentuh peribadi beliau.

Ditanya sama ada kerajaan berhak menentukan kebenaran sebarang maklumat mengenai negara ini sebelum ia disiarkan, Perdana Menteri berkata, "kita tidak ada hak walaupun negara kita mempunyai undang-undang." Mengenai penahanan seorang rakyat Malaysia, Jenny Chin di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (KDN) Singapura kerana

dikatakan terlibat dalam kegiatan subversif di negara tersebut, Perdana Menteri berkata, adalah penting untuk memastikan sama ada tuduhan itu benar atau tidak. Bagaimanapun, tegasnya, kerajaan tidak boleh campur tangan terhadap hak negara asing dalam mengambil sebarang tindakan walaupun melibatkan rakyat Malaysia.